



PENINSULA
COLLEGE
GEORGETOWN

PEPERIKSAAN AKHIR

Nama Program	:	DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES DIPLOMA IN LOGISTICS MANAGEMENT DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCE DIPLOMA IN TRAVEL AND TOURISM
Kod & Nama Kursus	:	MPU2213 BAHASA KEBANGSAAN A
Jangkamasa	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Sila baca arahan yang diberikan dalam kertas soalan dengan teliti.
2. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan sahaja.
3. Sila jawab kesemua soalan.
4. Sila jawab soalan di dalam kertas jawapan peperiksaan yang disediakan.
5. Kamus elektronik, nota, file atau sebarang bahan kecuali alat penulisan adalah dilarang.

Kertas soalan ini mestilah dihantar bersama-sama dengan semua kertas kasar yang telah digunakan/tidak digunakan serta kertas graf (jika ada). Calon **DILARANG** mengambil sebarang bahan peperiksaan keluar dari dewan peperiksaan.

AMARAN:

Lembaga Peperiksaan Kolej Peninsula, Georgetown menganggap tindakan meniru sebagai satu kesalahan yang paling serius dan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan hukuman yang berat keatas kesalahan yang dilakukan. Ini seiring dengan klausa yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelajar termasuklah mengambil tindakan memberhentikan pelajar dari Kolej Peninsula, Georgetown.

(Booklet in mengandungi 3 halaman yang bercetak termasuklah halaman ini)

DILARANG MEMBUKA BOOKLET INI SEHINGGA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

Jawab kesemua **EMPAT (4)** soalan yang disediakan.

[100 markah]

1.

Ucapan ialah kata-kata yang mengandungi isi bagi melahirkan pelbagai harapan dan perasaan kepada khalayak tertentu.

Merujuk kepada pernyataan di atas, jawab soalan-soalan yang disediakan di bawah:

a) Bincangkan **DUA (2)** jenis ucapan dari aspek pelaksanaannya. (5 markah)

b) Anda selaku wakil rakyat, Dun kawasan Batu Kawan, telah dijemput untuk merasmikan sebuah majlis Anugerah Cemerlang Tahun 2023 di Kolej Peninsula Georgetown. Sediakan sebuah teks yang lengkap untuk ucapan perasmian tersebut. (20 markah)

Jumlah: [25 markah]

2.

Bentuk Adjektif	Perkataan	Bina Ayat
Sifat manusia	(i)	
Sifat binatang	(ii)	
Warna	(iii)	
Ukuran	(iv)	
Bau	(v)	
Rasa	(vi)	
Sentuh	(vii)	
Waktu	(viii)	
Cara	(ix)	
Perasaan	(x)	

a) Merujuk kepada kotak yang dinyatakan di atas, isikan jawapan untuk perkataan adjektif di atas berserta dengan ayat yang bersesuaian. (20 markah)

b) Kata kerja transitif ialah kata kerja yang mempunyai penyambut. Berdasarkan pernyataan di atas, isikan jawapan yang sesuai dalam kotak yang disediakan. (5 markah)

Ayat	Pembuat	Kata Kerja	Penyambut
Kassim menoreh pokok getah pada waktu pagi.	i.	ii.	iii.
Mariam sedang mengarang sebuah cerita hantu.	Mariam	iv.	v.

Jumlah: [25 markah]

3. a) Huraikan definisi dan sertakan **TIGA (3)** jenis **AKRONIM**. (5 markah)

b)

Akronim	Perkataan Penuh	Bina Ayat
TNB	(i)	
PETRONAS	(ii)	
TADIKA	(iii)	
PROTON	(iv)	
TASKA	(v)	

Berdasarkan kepada kotak di atas, lengkapkan jawapan berserta (10 markah) dengan ayat yang berkaitan.

- c) Bina ayat-ayat dasar untuk **EMPAT (4)** pola ayat di bawah. (10 markah)

Pola Ayat		Ayat dasar
Pola Ayat 1	FN + FN	i.
Pola Ayat 2	FN + FK	ii.
Pola Ayat 3	FN + FA	iii.
Pola Ayat 4	FN + FSN	iv.

Jumlah: [25 markah]

4. a) Kemukakan **DUA (2)** perbezaan diantara **Sajak Bebas** dengan **Sajak Konkrit**. (5 markah)

- b) Lengkapkan jawapan dalam kotak yang disediakan di bawah. (20 markah)

Imbuhan Awalan	Maksud	Kata Terbitan
Anti	(i)	
Auto	(ii)	
Eka	(iii)	
Juru	(iv)	
Dwi	(v)	
Maha	(vi)	
Pra	(vii)	
Pasca	(viii)	
Tata	(ix)	
Sub	(x)	

Jumlah: [25 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -